

Headline	Prospek industri buluh dijangka cerah Dr Rahim		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	02 Dec 2014	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	14	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	557 cm ²
Journalist	Agnes Tugong	AdValue	RM 4,355
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 13,065



Prospek industri buluh dijangka cerah: Dr Rahim

Lebih tiga bilion masyarakat dunia dianggarkan bergantung secara ekonomi terhadap penggunaan buluh

Oleh Agnes Tugong

KUCHING: Prospek industri buluh dijangka cerah dengan lebih tiga bilion masyarakat dunia dianggarkan bergantung secara ekonomi terhadap penggunaan buluh.

Pengarah Bahagian Keluaran Hutan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Dr Rahim Sudin berkata nilai industri buluh dunia adalah AS\$12 bilion.

Ciri-cirinya yang versatil dan pelbagai guna serta ringan tetapi lebih kuat daripada besi menjadikan buluh sebagai satu sumber yang hampir tiada pembaziran dari segi penggunaannya.

Malah statistik menunjukkan terdapat hampir 300 pengusaha berasaskan buluh di Semenanjung Malaysia dengan 85 peratus terlibat dalam pembuatan bakul dan kraf, 10 peratus bahan pakai buang dan lima peratus penghasilan rebung untuk pasaran tempatan.

"Dalam survei yang dijalankan pada tahun 2013,

jumlah pengusaha buluh yang dapat dikesan adalah dalam anggaran 60 hingga 70 pengusaha dengan 15 daripadanya di Zon Utara (Pulau Pinang, Kedah dan Perlis), 17 di Zon Timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan), 14 di Zon Barat (Perak, Selangor dan Kuala Lumpur) dan 20 lagi di Zon Selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor).

"Antara produk-produk yang dihasilkan dalam industri buluh tempatan termasukan bekas dan raga pelbagai bentuk dan saiz, tikarsulaman, beg sulaman, dulang pelbagai bentuk dan saiz, barang hiasan rumah, alatan muzik, kuda kapang, wau, jeruk rebung madu dan produk bio-composites seperti kerusi, meja dan lantai daripada buluh," katanya.

Dr Rahim berkata demikian dalam pembentangan bertajuk Buluh: Status dan Prospek pada Seminar Pembangunan dan Potensi Produk Berasaskan Buluh di Dewan Jati Perkasa, PLKN Puncak Permai, Bau dekat sini baru-baru ini.

Jelas Dr Rahim lagi, sama

seperti industri yang lain, industri buluh juga berdedah dengan kekangan terutama dalam pemasaran produk.

Antarakejangan yang dihadapi pengusaha, kekurangan peralatan moden, kurang bantuan/pengetahuan pemasaran produk, kapasiti pengeluaran yang tidak mencukupi, kekurangan pekerja mahir dan kos bahan mentah yang tinggi atau tidak mencukupi.

Sementara itu Dr Hamdan Husain daripada FRIM dalam pembentangannya turut mengakui bahawa industri buluh menyediakan hasil pendapatan, sumber makanan dan perlindungan kepada lebih dua bilion penduduk dunia.

Malah katanya, permintaan untuk buluh dan produk buluh sentiasa meningkat setiap tahun.

Dengan pengembangan teknologi moden, FRIM kata Dr Hamdan, menggunakan aplikasi baharu dalam mempelbagaikan penggunaan bahan buluh bagi penghasilan perabot, lelantai, serpihan buluh serta pengeluaran kertas.

"China, India dan Taiwan

sementara industri yang lain, industri buluh juga berdedah dengan kekangan terutama dalam pemasaran produk.

“Dalam survei yang dijalankan pada tahun 2013, jumlah pengusaha buluh yang dapat dikesan adalah dalam anggaran 60 hingga 70 pengusaha dengan 15 daripadanya di Zon Utara (Pulau Pinang, Kedah dan Perlis), 17 di Zon Timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan), 14 di Zon Barat (Perak, Selangor dan Kuala Lumpur) dan 20 lagi di Zon Selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor).”

Dr Rahim Sudin
Pengerusi Bahagian Keluaran Hutan FRIM

ialah pengeluar utama buluh dunia manakala Amerika adalah pengguna terbesar produk buluh seperti papan lelantai.

"Dengan mengambil 5 hingga 10 peratus sahaja pasaran dunia buluh, ia akan dapat menyumbang kepada ekonomi tempatan dan meningkatkan industri buluh tempatan."

FRIM mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang dapat menghubungkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang sedia ada dengan pihak pengusaha.

"Dengan kepakaran dan pengetahuan ini, FRIM bersedia bekerjasama untuk sama-sama meningkatkan industri buluh tempatan," ujarnya.



VERSATIL: Buluh memiliki ciri-ciri yang versatil dan pelbagai guna terutama dalam pembuatan produk kraf tangan.